

Permainan puppet semakin popular

utusan malay
28/4/74

PERMAINAN puppet memerlukan imaginasi yang tajam untuk menarik perhatian kanak - kanak terutamanya yang berumur antara empat hingga sepuluh tahun dan dapat menyelami kehendak mereka.

Ini bukan satu perkara yang mudah kerana kehendak kanak - kanak begitu berbeza sekali dengan alam pemikiran orang dewasa tambahan pula kanak-kanak zaman ini tidak suka duduk diam kerana ada - ada sahaja yang dibuatnya. "Jalan cerita yang baik dapat disesuaikan dengan kehendak kanak - kanak dan boleh menimbulkan keasyikan kanak - kanak menonton pertunjukan kami," jelas Cik Aminah Haji Salam yang merupakan printis pertunjukan puppet di Pustaka Bimbingan Kanak - Kanak Kuala Lumpur.

Katanya lagi, kanak - kanak mempunyai imaginasi tersendiri yang digambarkan apabila mereka melihat satu - satu benda dan terpulanglah kepada masing - masing untuk menjadikan 'puppet' kelihatan menarik kepada mereka.

Banyak cerita rekaan yang dipetik dari beberapa buah cerita popular telah diubahsuakan untuk pertunjukan beliau dan telah mendapat sambutan yang baik dari kanak - kanak. Inilah hasil dari kumpulan kami yang telah bertungkus lumus menjayakannya," tambah beliau lagi.

Pertubuhan kumpulan puppet ini bermula apabila beliau balik dari mengikuti kursus tersebut di Jepun. Di sini dengan pertolongan dari Encik Mohd. Yusof Ismail beliau telah berjaya



KUMPULAN pertunjukan puppet di Bukit Bintang Plaza baru - baru ini yang terdiri dari kiri sekali Othman Haji Mohamad, Adam Ahmad, Cik Alimah, Bustam Haji Kamri dan seorang pembantu.

mengadakan pertunjukan tersebut dan menjadikannya sebagai salah satu dari projek Pustaka Bimbingan Kanak - Kanak. Setelah Encik Yusof ditukarkan ke Sabah, ditugaskan lagi Cik Aminah seorang diri untuk meneruskan projek tersebut.

Tetapi dengan secara tiba - tiba muncul Encik Bustam Haji Kamri secara sukarela membantu beliau sehingga ke hari ini.

Dari sinilah kumpulan mereka mula bergiat cergas dengan pertambahan anggota - anggota sukarela yang lain yang terdiri dari pemain muzik dan

membantu kerja - kerja memainkan puppet. Salah seorang pembantu mereka ialah Encik Othman Mohamad yang mempunyai latar belakang sebagai pemain muzik dan kini sedang menuntut di Institut Teknologi MARA di dalam bahagian muzik.

Sementara dua orang lagi yang turut membantu secara sukarela ialah Encik Rahim Taman yang mempunyai keistimewaan membunyikan berbagai - bagai suara dan Adam Ahmad seorang penyanyi yang sedang meningkat dewasa ini.

Setakat ini kumpulan ini telah menerima berbagai

undangan dari beberapa buah negeri dan tempat seperti di Kelantan, Terengganu, Melaka, Johor dan Seremban.

"Undangan yang kami terima mengikut musim cuti sekolah dan penghujung tahun. Jika musim cuti tiba, kami menerima banyak undangan dari seluruh negara dan ada kalanya kami terpaksa menolaknya jika tidak dapat lakukan," jelas beliau lagi.

Kebanyakan pertunjukan mereka telah mendapat sambutan hangat dari kanak - kanak sehingga ada satu masa pentas mereka runtuh akibat rempuhan dari kanak - kanak tersebut.